

Kaji semula syarat program TVET elak nafi peluang OKU - PM Anwar

Oleh **Mohamed Farid dan Omar Ahmad** - September 3, 2023 @ 5:08pm
bhnews@bh.com.my



Anwar berucap pada Program 'Temu Anwar' di Dewan Sultan Iskandar UTM Skudai hari ini.
- BERNAMA

JOHOR BAHRU: Kerajaan akan meneliti semula syarat dikenakan untuk pengambilan program berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) supaya ia bersesuaian dengan keupayaan Orang Kurang Upaya (OKU).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu akan membabitkan semua kementerian dan agensi dan ia akan dimaklumkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara, selain dibawa kepada Jemaah Menteri.

"Maaf (kepada Jemaah menteri) saya tidak maklum mengenai perkara ini (terlebih dahulu). Ia (kajian semula syarat pengambilan program TVET) langkah supaya semua agensi kerajaan dan kementerian memastikan pengambilan golongan OKU ke program TVET.

"Majlis TVET dipengerusikan Datuk Seri Ahmad Zahid. Saya akan beritahu dia walaupun ada kelonggaran untuk OKU, tetapi janganlah kenakan syarat seperti dua tangan. Syaratnya mesti yang ada keupayaan.

"Insya-Allah ini boleh, kita beri ruang (melihat semula syarat-syarat TVET bagi pelajar OKU) dan saya rasa tiada masalah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Alumni Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Ruzimi Mohamed pada sesi soal jawab semasa program Temu Anwar Johor Bahru di UTM di sini, hari ini.

Dr Ruzimi memaklumkan kekangan dihadapi pelajar OKU dalam permohonan program TVET yang meminta syarat seperti perlu ada kedua-dua tangan, sedangkan ada OKU yang boleh melukis dan menulis menggunakan kaki dan mulut.

Dr Ruzimi juga memaklumkan setakat ini hanya empat kementerian yang memenuhi kuota pengambilan pekerja OKU di negara ini.

Dalam perkembangan sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan bersetuju dengan pandangan itu dan akan membawa isu berkenaan kuota pekerjaan satu peratus golongan OKU dalam kementerian dan agensi kerajaan ke mesyuarat Jemaah Menteri.

"Saya setuju. Saya akan bawa (isu kuota pengambilan pekerja OKU) dalam masyarakat jemaah menteri.

"Supaya dapat pastikan semua agensi kerajaan dan kementerian melaksanakan pengambilan pekerja OKU mengikut kuota satu peratus," katanya.